

23 SEP 2003

OIC-Qatar

EMIR QATAR MENGESAHKAN KEHADIRAN PADA SIDANG KEMUNCAK OIC PUTRAJAYA

Oleh: Lena Liew

DOHA, 23 Sept (Bernama) -- Emir Qatar Sheikh Hamad bin Khalifah al-Thani telah mengesahkan kehadiran baginda pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Malaysia bulan depan.

Ketua negara itu akan menyerahkan jawatan pengerusi OIC kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Bercakap kepada Bernama selepas diterima menghadap oleh Sheikh Hamad dan mengadakan perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Qatar Ahmed bin Abdullah al-Mahmoud di sini Isnin, Syed Hamid berkata beliau sangat sukacita dengan pengesahan Emir itu untuk berangkat hadir pada sidang kemuncak itu kerana persidangan ini sangat penting.

Syed Hamid melawat Doha sehari untuk menyampaikan sendiri surat jemputan daripada Dr Mahathir untuk persidangan itu yang akan diadakan dari 11 hingga 18 Oktober di Pusat Konvensyen Putrajaya.

Beliau berkata pengerusi OIC yang akan bersara itu, Sheikh Hamad melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan mempengerusikan pertubuhan 57-anggota negara itu dengan cemerlang dalam masa tiga tahun akan datang.

"Emir itu sangat memberikan galakan ... baginda percaya bahawa Malaysia akan mengetuai OIC dengan jayanya. Kita akan mempelajari daripada Qatar dan kita berkongsi pengalaman pada sidang kemuncak akan datang," kata Syed Hamid.

Menteri itu berada di Doha dari Jeddah, dan semasa di Arab Saudi, Syed Hamid mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Putera Mahkota Abdullah bin Abdul Aziz al-Saud, yang juga mengesahkan penyertaan baginda pada persidangan OIC itu.

Syed Hamid diiringi Setiausaha Bahagian Asia Barat dan Afrika Utara, Kementerian Luar, Datuk Wan Yusof Embong. Turut hadir pada pertemuan dengan Emir itu ialah Duta Malaysia ke Kuwait Husni Zai Yaacob yang juga ditauliahkan ke Qatar.

Syed Hamid berkata Malaysia sedang giat untuk mendapat kehadiran yang ramai pada sidang kemuncak itu yang bertemakan " Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah."

Persidangan OIC itu akan bermula dengan Mesyuarat Pegawai Kanan pada 11 Okt diikuti Mesyuarat Persediaan Menteri Luar dari 13 hingga 14 Okt dan sidang kemuncak di kalangan ketua-ketua negara dan kerajaan dari 16 hingga 18 Okt.

Syed Hamid mengesahkan bahawa Bangladesh telah menawarkan pencalonan, penasihat khas kepada Perdana Menteri Bangladesh Salauddin Quader Chowdhury - bagi jawatan setiausaha-agung OIC akan datang.

"Setakat ini kita tidak mengetahui mana-mana calon," kata beliau sambil menambah kini jawatan itu adalah giliran dari negara Asia pula.

Jawatan itu ditentukan oleh konsensus melalui perundingan di kalangan menteri luar OIC pada mesyuarat dua hari itu yang diadakan terdahulu daripada sidang kemuncak sebenarnya.

Chowdhury kini sedang melawat negara-negara Teluk Arab bagi mencari sokongan daripada pemimpin dan duta negara-negara OIC.

Minggu lepas, Chowdhury memberitahu pemberita di Doha bahawa Dhaka telah diberi jaminan pada tahun lepas pencalonannya merupakan calon konsensus akan datang, ini ialah pencalonan kali keempat negara itu untuk menduduki jawatan berkenaan.

Menurut laporan Gulf Times, Qatar minggu ini, Dhaka telah menarik balik

pencalonan beberapa kali untuk kepentingan perpaduan ummah .

Setiausaha-agung OIC sekarang ialah Dr Abdelouahed Belkeziz bagi penggal empat tahun yang akan tamat tahun depan.

(Untuk berita-berita mengenai sidang kemuncak OIC Putraja, sila layari juga www.bernama.com/OICsummit).

-- BERNAMA

LL AZZ BK